

**PANDUAN
PENULISAN TESIS
GAYA KUIM**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2014
Cetakan Kedua / *Second Printing*, 2016

© Hak cipta / Copyright Kolej Universiti Islam Melaka

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka
KM 45 Kuala Sungai Baru
78200 Melaka, Malaysia
<http://www.kuim.edu.my/penerbit>
e-mel: penerbit@kuim.edu.my
+606-387 8461/ +606-387 7915

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PANDUAN PENULISAN TESIS GAYA KUIM

ISBN: 978-967-12078-4-0

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

DE Advertising & Enterprise
No 5, Jalan MP11, Merdeka Permai,
75350 Melaka.
de_ads@hotmail.com

JAWATANKUASA BUKU PANDUAN PENULISAN TESIS

PENAUNG

Mohd Taib Dora (*Prof. Dr.*)

PENASIHAT

Mohd Fadzil Idris (*Prof. Madya Dr*)

KETUA EDITOR

Mohamad Nazli Hj. Omar (*Dr.*)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Wan Norhayati Wan Othman (*Dr.*)

EDITOR

Mohd Sufiean Hassan

AHLI JAWATANKUASA

Mohd Azam Yahya
Yuseni Ab. Wahab
Nadzirah Md. Yusop
Suhailah Ibrahim
Siti Fatimah Md. Shariff
Siti Aishah Yahya
Siti Noraini Latif

Fazura Mustafa
Siti Zubaidah Ramli
Hamidah Norman
Zamry Hj. Gafar
Nur Rabiataladawiah Abdul Rahman
Aiwana Mat Sapak
Mohd Hanif Abd Rahman

GRAFIK

Mohd Azzumardy Mohd Suboh
Muhammad Khairul Nizam Paraji

KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN NAIB CANSELOR..... i

KATA-KATA ALUAN DEKAN INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH..... ii

BAB 1: STRUKTUR DAN KANDUNGAN TESIS 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Penggunaan Bahasa Penulisan 1

1.3 Struktur Penulisan Ilmiah..... 2

1.4 Tajuk Latihan Ilmiah/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis..... 2

1.5 Perakuan Keaslian Penulisan..... 3

1.6 Penghargaan 4

1.7 Abstrak 4

1.8 Transliterasi..... 5

1.9 Kandungan Latihan Ilmiah/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis 5

1.10 Senarai Jadual..... 5

1.11 Senarai Rajah..... 6

1.12 Senarai Singkatan dan Simbol 6

1.13 Senarai Lampiran 7

1.14 Teks Latihan Ilmiah/ Laporan Penyelidikan/ Disertasi/ Tesis..... 7

1.15 Rujukan 8

1.16 Lampiran..... 9

1.17 Penyerahan Disertasi dan Tesis..... 9

BAB 2: BENTUK DAN FORMAT 11

2.1 Pengenalan 11

2.2 Jenis dan Saiz Kertas..... 11

2.3 Jidar (margin) 11

2.4 Nombor Muka Surat 11

2.5 Penomboran Bab dan Sub Judul Dalam Bab 13

2.6 Penaipan 13

2.7 Jarak dan Format 14

2.8 Cetakan Dokumen..... 15

2.9 Bilangan Maksimum Muka Surat..... 15

2.10 Format Penjilidan Latihan Ilmiah/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis..... 15

BAB 3: FORMAT RUJUKAN DALAM TEKS	17
3.1 Pengenalan	17
3.2 Sistem Pengarang-Tarikh	17
BAB 4: SENARAI RUJUKAN.....	25
4.1 Pengenalan	25
4.2 Tertib Rujukan	29
4.3 Cara Menulis Rujukan Yang Lengkap Untuk Buku.....	30
4.4 Dokumen Awam / Pertubuhan Antarabangsa.....	35
4.5 Makalah Dalam Jurnal dan Prosiding	36
4.6 Artikel Dalam Majalah / Berita Dalam Akhbar / Surat Kepada Pengarang ..	37
4.7 Filem, Video Dan Slaid	37
4.8 Bahan Tidak Terbit	38
4.9 Bahan Rujukan Elektronik	41
4.10 Rujukan Undang-Undang	42
RUJUKAN.....	47
LAMPIRAN A.....	48
LAMPIRAN B.....	51
LAMPIRAN C.....	56
LAMPIRAN D1.....	57
LAMPIRAN D2.....	58
LAMPIRAN E.....	59
LAMPIRAN F.....	62
LAMPIRAN G.....	63
LAMPIRAN H.....	64
LAMPIRAN I.....	65
LAMPIRAN J.....	66
LAMPIRAN K.....	67

**KATA-KATA ALUAN
NAIB CANSELOR,
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

Bismillahirrahman ni al-Rahim

Assalamualaikum wa rahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Segala pujian ke hadrat Allah swt Tuhan semesta alam yang telah mengizinkan Buku Panduan Penulisan Tesis Gaya KUIM ini dapat dihasilkan. Sekalung tahniah diucapkan kepada Institut Pengajian Siswazah KUIM kerana telah sedaya upaya untuk menghasilkan Buku Panduan ini untuk dijadikan rujukan bagi calon-calon Ijazah Tinggi di universiti ini dalam usaha untuk menghasilkan tesis dan disertasi yang berkualiti tinggi.

Proses pengajian di peringkat Ijazah Tinggi ini sebenarnya memerlukan pembudayaan penulisan akademik di kalangan calon-calonnya. Ia disebabkan pengajian di peringkat ini ia memerlukan keupayaan calon-calon untuk menulis hasil penyelidikan yang telah dijalankan. Penulisan akademik lazimnya berbeza dengan penulisan-penulisan lain kerana penulisan akademik menuntut calon-calon pasca siswazah untuk mengikuti format penulisan akademik seperti adanya bibliografi, nota kaki, nota hujung dan sebagainya. Kesemuanya itu perlu diikuti oleh oleh calon-calon ijazah tinggi bagi menampakkan keserjanaan mereka dalam sesuatu bidang yang diterokai.

Justeru dengan penghasilan Buku Panduan ini diharapkan ia dapat membantu kepada calon-calon Ijazah Tinggi untuk menulis disertasi atau tesis mereka dengan baik dan berkualiti. Saya yakin dan positif dengan kemampuan calon-calon Ijazah Tinggi di universiti ini untuk menempa kejayaan dalam pengajian mereka melalui komitmen yang ditunjukkan menerusi penulisan ilmiah yang bermutu.

Akhir kata, selamat maju jaya diucapkan kepada semua calon-calon Ijazah Tinggi dalam proses pengajian anda di universiti ini dan hasrat KUIM ke arah status universiti penuh akan tercapai dengan kemampuannya mengendalikan pengajian di peringkat ijazah Tinggi serta penghasilan graduan yang berkualiti dan berdaya saing.

Sekian, wasalam

PROFESOR DR. HJ. MOHD. TAIB HJ. DORA
NAIB CANSELOR, KUIM

**KATA-KATA ALUAN
DEKAN INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH,
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh dan salam sejahtera.

Pertamanya izinkan saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya Buku Panduan Penulisan Tesis, Kolej Universiti Islam Melaka ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Secara asasnya, Buku Panduan Penulisan Tesis ini adalah kesinambungan kepada penerbitan Buku Panduan Pengajian Siswazah yang terdahulu. Namun seiring dengan perkembangan dan transformasi pendidikan pada masa kini khususnya dalam pengajian di peringkat Ijazah Tinggi, terdapat beberapa penambahbaikan dan pengemaskinian telah dilakukan. Fokus utamanya adalah untuk memberi panduan dan hala tuju kepada calon-calon Ijazah Tinggi supaya dapat menghasilkan tesis atau disertasi yang berkualiti. Ia sangat signifikan kerana dalam pengajian di peringkat ini kerana keserjanaan seseorang calon itu bukan terletak kepada keupayaannya dalam membentangkan hasil penyelidikan serta lulus *viva voce* yang mereka hadapi tetapi ia juga diukur dari aspek kemampuannya dalam menulis hasil kajian mereka yang perlu mengikuti format penulisan akademik yang teratur dan sistematik.

Sehubungan dengan itu, diharapkan dengan terbitnya Buku Panduan ini, ia dapat membantu calon-calon Ijazah Tinggi KUIM dalam menghasilkan disertasi dan tesis yang bermutu mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh universiti.

Akhir kata, saya berharap agar calon-calon Ijazah Tinggi KUIM dapat mengekalkan momentum dalam usaha mengapai kejayaan dalam pengajian anda di peringkat ini. Mudah-mudahan segala usaha gigih anda dalam pengajian ini akan dibalas dengan kejayaan gemilang di masa hadapan.

Sekian, wassalam.

DR. MOHAMAD NAZLI B. HJ. OMAR
Dekan, Institut Pengajian Siswazah,
Kolej Universiti Islam Melaka.

BAB 1

STRUKTUR DAN KANDUNGAN TESIS

1.1 Pengenalan

Dalam menilai keserjanaan seseorang calon di dalam peringkat ijazah, penilaian kepada penulisan ilmiah yang berformat dan berstruktur amatlah penting. Sehubungan dengan itu, di dalam memastikan ia menjadi sesuatu ukuran yang bernilai, penulisan ilmiah perlulah menepati kepada kehendak semasa di samping menitikberatkan kepada peraturan yang lazim digunapakai. Oleh itu, manual penulisan gaya Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) ini disusun dengan satu tujuan utama iaitu memberi panduan kepada calon peringkat prasiswazah dan Ijazah Tinggi dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang bermutu tinggi.

Buku panduan ini disediakan oleh Institut Pengajian Siswazah (IPS) untuk membantu para calon diperingkat prasiswazah dan pascasiswazah di KUIM. Justeru itu, dengan adanya gaya yang sistematik dan berstruktur ini diharapkan mampu menjadi panduan kepada para calon khususnya di peringkat sarjana dan kedoktoran. Panduan ini juga boleh digunapakai dalam penulisan ilmiah yang lain seperti jurnal, prosiding, monograf dan sebagainya.

1.2 Penggunaan Bahasa Penulisan

Penulisan latihan ilmiah, laporan penyelidikan, disertasi dan tesis hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa lain perlu mendapatkan kelulusan Senat.

1.3 Struktur Penulisan Ilmiah

Setiap penulisan ilmiah yang merangkumi latihan ilmiah, laporan penyelidikan, disertasi dan tesis perlu mengandungi 12 komponen yang perlu dipatuhi dan disusun mengikut urutan seperti berikut:

- i. Halaman Judul
- ii. Perakuan Keaslian Penulisan
- iii. Penghargaan
- iv. Abstrak (dwibahasa) – Halaman berlainan
- v. Transliterasi (yang berkenaan)
- vi. Senarai Kandungan
- vii. Senarai Jadual
- viii. Senarai Rajah
- ix. Senarai Singkatan dan Simbol
- x. Teks Latihan Ilmiah / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis
- xi. Rujukan / Bibliografi
- xii. Lampiran

1.4 Kulit Latihan Ilmiah / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis

- i. Halaman Luar (rujuk Lampiran A)
- ii. Mengandungi tajuk latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah ditulis mengikut susunan berikut:

- a. Tajuk latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis
 - b. Nama penuh calon
 - c. Nama akademi, institut, fakulti atau pusat di tempat calon mendaftar
 - d. Nama Universiti
 - e. Tahun latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis diluluskan
- iii. Halaman Judul (rujuk Lampiran B)
- Mengandungi tajuk latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah ditulis mengikut susunan berikut:
- a. Tajuk latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis
 - b. Nama penuh calon
 - c. Pernyataan tujuan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis dikemukakan
 - d. Nama akademi, institut, fakulti atau pusat di mana calon mendaftar
 - e. Nama Universiti
 - f. Tahun latihan ilmiah/ laporan penyelidikan/ disertasi/ tesis

Nota: Tajuk latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis tidak melebihi 20 patah perkataan

1.5 Perakuan Keaslian Penulisan

Setiap latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis mestilah disertakan dengan perakuan keaslian penulisan (rujuk Lampiran C)

1.6 Penghargaan

- i. Pernyataan penghargaan adalah untuk memberikan penghormatan kepada individu atau organisasi yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam menyediakan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis.
- ii. Pernyataan ini hendaklah tidak melebihi satu muka surat dan tidak mengandungi sebarang gambar, gambar rajah atau jadual.

1.7 Abstrak

- i. Abstrak adalah ringkasan pendek yang perlu menggambarkan keseluruhan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis yang dijalankan. Abstrak perlu merangkumi tujuan kajian, objektif, metodologi dan keputusan kajian.
- ii. Setiap kandungan abstrak tidak melebihi 250 patah perkataan dan selang satu (1) baris (*single spacing*) sahaja.
- iii. Abstrak perlu disediakan dalam dwibahasa dengan dua (2) muka surat yang berbeza iaitu:
 - a. Penulisan dalam Bahasa Melayu, abstrak perlu ditulis dalam Bahasa Melayu dengan terjemahannya dalam Bahasa Inggeris pada mukasurat berikutnya. (rujuk Lampiran D1 dan Lampiran D2)
 - b. Penulisan dalam Bahasa Inggeris, abstrak perlu ditulis dalam Bahasa Inggeris dengan terjemahannya dalam Bahasa Melayu pada mukasurat berikutnya.
 - c. Penulisan dalam bahasa lain, abstrak perlu ditulis dalam bahasa berkenaan dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu pada mukasurat berikut.

1.8 Transliterasi

Transliterasi adalah perkataan yang ditukar daripada penulisan Bahasa Arab menggunakan tulisan jawi ke tulisan Rumi (rujuk Lampiran E)

Contoh:

Usul Fiqhā

1.9 Kandungan Latihan Ilmiah / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis

- i. Halaman kandungan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah dimulakan dalam mukasurat yang baru.
- ii. Maklumat latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah disenaraikan mengikut bab, tajuk dan mukasurat.
- iii. Nombor turutan tajuk hendaklah bermula dengan mengikut nombor bab. Paparan tajuk kandungan hanya hingga ketahap tiga (3) sahaja (rujuk Lampiran F).
- iv. Setiap bab, tajuk dan mukasurat yang tercatat dalam halaman ini mestilah bertepatan dengan bab, tajuk dan mukasurat yang terdapat dalam latihan ilmiah / disertasi / tesis.

1.10 Senarai Jadual

- i. Senarai ini perlu disediakan sekiranya terdapat jadual yang digunakan dalam penulisan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis.
- ii. Semua jadual yang terdapat didalam latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis perlu disenaraikan.
- iii. Maklumat jadual hendaklah disenaraikan mengikut nombor jadual, tajuk jadual dan mukasurat jadual tersebut dimuatkan. Nombor turutan jadual hendaklah bermula dengan mengikut nombor bab (rujuk Lampiran G).

- iv. Tajuk jadual hendaklah ditulis di bahagian atas jadual yang disediakan dan sumber jadual ditulis di bawah.

1.11 Senarai Rajah

- i. Senarai ini perlu disediakan sekiranya terdapat sebarang rajah yang digunakan dalam penulisan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis.
- ii. Terma “Rajah” adalah merangkumi semua bahan ilustrasi yang disertakan dalam teks seperti peta, carta, lukisan, graf dan gambar.
- iii. Senarai ini hendaklah mengandungi semua rajah yang terdapat di dalam latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis.
- iv. Maklumat rajah hendaklah disenaraikan mengikut nombor rajah, tajuk rajah dan mukasurat di mana rajah tersebut dimuatkan. Nombor turutan rajah hendaklah bermula dengan mengikut nombor bab (rujuk Lampiran H).
- v. Tajuk rajah hendaklah ditulis di bahagian bawah rajah yang disediakan.

1.12 Senarai Singkatan dan Simbol

- i. Senarai ini mengandungi sebarang singkatan, tatanama, istilah dan simbol yang digunakan dalam penulisan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis
- ii. Huruf singkatan yang digunakan dalam penulisan hendaklah dinyatakan perkataan penuh yang mewakili singkatan tersebut. Makna bagi simbol yang digunakan juga perlu dinyatakan (rujuk Lampiran I).

1.13 Senarai Lampiran

- i. Bahagian ini hendaklah menyenaraikan semua lampiran yang digunakan dalam menyempurnakan dan mengukuhkan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis.
- ii. Lampiran yang digunakan hendaklah diletakkan di akhir penulisan.

1.14 Teks Latihan Ilmiah / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis

- i. Teks dalam sesuatu latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah mengandungi bab-bab yang diberikan judul dan setiap judul hendaklah menggambarkan kandungan bab tersebut.
- ii. Setiap bab hendaklah bermula pada mukasurat yang baru.
- iii. Bab boleh diperkembangkan kepada bahagian-bahagian yang dinamakan sub-judul. Setiap judul dan sub-judul hendaklah diberikan nombor dengan turutan bermula dengan nombor bab.
- iv. Tiada had dalam jumlah bahagian bagi sesuatu latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis. Secara umumnya, sesuatu latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis mempunyai bahagian-bahagian seperti berikut:

- a. Pengenalan

Bahagian ini mengandungi asas-asas di dalam penyelidikan yang merangkumi permasalahan kajian, objektif, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi operational konsep kajian.

- b. Sorotan Literatur

Sorotan literatur adalah penulisan komprehensif dan kritikal tentang sesuatu topik yang telah diterbitkan oleh ahli akademik dan penyelidik.

ia mengandungi maklumat tentang teori, model dan kajian lepas yang digunakan dalam penyelidikan berkenaan.

c. Metodologi Kajian

Bahagian ini adalah komponen penting dalam latihan ilmiah / laporan penyelidikan/ disertasi / tesis kerana ia menerangkan secara terperinci tentang reka bentuk, sampel, instrumen, prosedur, kaedah pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam penyelidikan.

d. Analisa Data

Bahagian ini membincangkan penganalisan data yang diperolehi merujuk kepada kaedah analisis data yang berkaitan.

e. Keputusan Kajian

Bahagian ini menerangkan tentang keputusan kajian yang diperolehi dalam bentuk teks, rajah, jadual dan lain-lain.

f. Perbincangan dan Kesimpulan

Bahagian ini merupakan rumusan keseluruhan kajian yang merangkumi perbincangan keputusan kajian, implikasi, cadangan-cadangan kajian dan cadangan-cadangan kajian masa hadapan.

1.15 Rujukan

- i. Semua rujukan khusus yang telah digunakan dalam penulisan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah disenaraikan dalam halaman ini.
- ii. Semua sumber maklumat perlu disenaraikan sebagai rujukan dan setiap senarai rujukan mesti direkod dalam teks laporan.

- iii. Senarai rujukan hendaklah disediakan mengikut format dan kaedah yang telah ditetapkan dalam bahagian berkaitan format rujukan.

1.16 Lampiran

- i. Bahagian ini bertujuan untuk memberi penerangan tambahan atau lanjutan kepada maklumat dalam teks bagi menyokong kajian yang dijalankan.
- ii. Bahan-bahan yang boleh dimuatkan adalah seperti jadual, carta, atur cara perisian, data mentah dan soal selidik.
- iii. Panduan dalam penetapan lampiran adalah seperti berikut:
 - a. Data kajian, jadual, contoh soal selidik, peta, gambar dan sebagainya yang terlalu panjang untuk dimasukkan ke dalam teks atau yang tidak diperlukan secara langsung bagi menjelaskan perkara yang dibincangkan dalam teks boleh dimasukkan ke dalam bahagian lampiran. Secara umumnya, jadual dan rajah yang melebihi dua muka surat wajar diletakkan dalam bahagian lampiran.
 - b. Sesuatu lampiran boleh dinamakan seperti LAMPIRAN A, LAMPIRAN B dan seterusnya bergantung kepada jenis dan banyaknya bahan yang disertakan sebagai lampiran. Lampiran juga boleh diberi tajuk-tajuk tertentu.

1.17 Penyerahan Disertasi dan Tesis

1.17.1 Penyerahan Disertasi dan Tesis untuk Pemeriksaan

- i. Notis penyerahan (notis 3 bulan) disertasi dan tesis beserta abstrak hendaklah dihantar kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah KUIM. Laporan penuh disertasi dan tesis hendaklah diserahkan kepada IPS dalam tempoh 3 bulan selepas notis serahan.
- ii. Disertasi dan tesis yang dihasilkan adalah hak milik mutlak KUIM dan berhak untuk menggunakannya bagi sebarang tujuan akademik.

- iii. Setiap calon dikehendaki menghantar disertasi dan tesis akhir ke pejabat IPS untuk pemeriksaan seperti berikut:
 - a. Sarjana - 6 salinan
 - b. Doktor Falsafah - 8 salinan

Nota: Diploma dan Ijazah Sarjana Muda tidak tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan perlu merujuk kepada fakulti masing-masing.

1.17.2 Penyerahan Disertasi dan Tesis Akhir (*hardcover*)

- i. Setiap calon dikehendaki menghantar disertasi dan tesis ke pejabat IPS beserta Borang Serahan Akhir dan Borang Pengesahan Pembetulan untuk serahan akhir.
- ii. Penyerahan tesis dan disertasi bagi Sarjana dan Doktor Falsafah adalah seperti berikut :
 - a. Enam (6) salinan kulit keras (*hard cover*)
 - b. Satu (1) salinan PDF yang dimuat turun dalam cakera padat.

BAB 2

BENTUK DAN FORMAT

2.1 Pengenalan

Bentuk dan format penulisan ilmiah ini dilihat mampu membantu calon dalam menghasilkan satu bentuk karya ilmiah yang bermutu tinggi. Ia penting memandangkan karya ilmiah ini akan didokumentasikan untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji seterusnya. Sehubungan dengan itu, bentuk dan format yang digariskan ini berupaya membimbing dan memandu calon untuk tujuan penghasilan karya ilmiah yang bernilai dan bermutu tinggi.

2.2 Jenis dan Saiz Kertas

Penggunaan kertas simili 80 gram berwarna putih dan bersaiz A4 (210 mm x 297 mm) sahaja yang dibenarkan penggunaannya.

2.3 Jidar (margin)

Saiz jidar adalah 4 cm di sebelah kiri, manakala 2 cm di sebelah atas, 2 cm di sebelah kanan dan 2 cm di bawah, bagi setiap muka surat, termasuk muka depan.

2.4 Nombor Muka Surat

- i. Nombor muka surat ditulis di sudut bawah sebelah kanan, 1.5 cm dari tepi bawah dan 2 cm dari tepi sebelah kanan diukur dari digit terakhir nombor

berkenaan. Guna jenis nombor yang sama iaitu '*Times New Roman*' seperti huruf teks yang digunakan tanpa hiasan.

- ii. Halaman judul sehingga senarai statut yang merupakan bahagian permulaan tesis hendaklah menggunakan nombor kecil Roman sebagai nombor muka surat (i, ii, iii, iv dan seterusnya); bahagian teks dan sehingga tamat hendaklah menggunakan angka 1, 2, 3 dan seterusnya sehingga tamat tesis. Susunan halaman judul sehingga senarai statut adalah seperti berikut:
 - a. Halaman judul
 - b. Perakuan Keaslian Penulisan
 - c. Penghargaan
 - d. Abstrak
 - e. Terjemahan abstrak
 - f. Transliterasi
 - g. Senarai Kandungan
 - h. Senarai jadual
 - i. Senarai ilustrasi
 - j. Senarai simbol/singkatan/tatanama/istilah
 - k. Senarai kes
 - l. Senarai statut
- iii. Bagi 'halaman judul' yang sepatutnya bernombor muka surat "i" tidak perlu diletakkan nombor muka suratnya. Nombor Roman hanya akan bermula dengan nombor muka surat "ii".

2.5 Penomboran Bab dan Sub Judul Dalam Bab

- i. Nombor bab ditulis sebagai BAB 1, BAB 2, BAB 3 dan seterusnya. Jika judul bab dan mana-mana sub judul pada mana-mana tahap melebihi satu baris, maka langkaunya adalah sama langkau dengan dalam teks iaitu 2 baris.
- ii. Manakala jarak antara nombor judul dan perkara adalah 1 cm tanpa mengira tahap judul.
- iii. Penomboran sub judul disusun selari mengikut urutan tahap sub judul dengan tidak melebihi empat tahap seperti di bawah:

2.6	BAB 2	Nama Bab	- tahap pertama
	2.1	sub judul	- tahap kedua
		2.1.1 (sub-sub judul)	- tahap ketiga
		2.1.1.1 (sub-sub-sub judul)	- tahap keempat
iv.	Sub judul seterusnya perlulah menggunakan huruf seperti a, b, c dan seterusnya yang dianjak sebanyak 1 cm dari tepi.		

2.6 Penaipan

- i. Latihan ilmiah/ laporan penyelidikan/ disertasi/ tesis hendaklah ditaip dengan tulisan Times New Roman bersaiz 12 menggunakan Microsoft Word 10.0 atau versi yang lebih terkini.
- ii. Perkataan yang menggunakan bahasa berlainan dari bahasa penulisan tesis hendaklah ditaip menggunakan huruf condong (*italic*).
- iii. Bagi teks al-Quran, Hadith dan terjemahannya juga perlu ditaip selang satu langkau, menggunakan traditional arabic dan font 14.
- iv. Teks juga hendaklah ditaip pada sebelah muka surat sahaja.

- v. Judul bab hendaklah menggunakan huruf besar dan diletak di tengah-tengah. Setiap bab perlulah dimulakan pada muka surat baru. Bab dan bahagian dalam bab hendaklah diberi judul dan ditaip dengan huruf tebal tanpa garisan. Hanya huruf pertama perkataan pertama dalam sub judul berhuruf besar (rujuk Lampiran J).

2.7 Jarak dan Format

Panduan jarak dan format dalam teks adalah seperti berikut:

- i. Jarak di antara baris dalam teks ialah dua langkau (*double spacing*).
- ii. Bagi tajuk rajah, jadual dan kandungannya hendaklah ditaip selang satu langkau (*single spacing*).
- iii. Jarak di antara judul bab dengan baris pertama teks ialah dua langkau.
- iv. Jarak di antara sub judul dengan baris akhir terakhir teks sebelumnya ialah dua langkau.
- v. Jarak di antara sub judul dengan baris pertama teks selepasnya ialah dua langkau.
- vi. Jarak di antara perenggan dengan perenggan berikutnya adalah empat langkau.
- vii. Mulakan sub judul berserta nombornya dari jidar kiri.
- viii. Mulakan baris pertama perenggan pertama di bawah sub judul tanpa dianjak (tab) dari jidar kiri, perenggan-perenggan seterusnya perlu dianjak sebanyak 1.2 cm dari jidar kiri.
- ix. Mulakan baris pertama perenggan baru di muka surat yang seterusnya sekiranya ruang yang ada hanya boleh memuatkan satu baris ayat sahaja.
- x. Isi kandungan teks mestilah jajaran penuh (*Justified*) sepenuhnya kecuali bagi baris pertama perenggan, yang bukan perenggan pertama seksyen.
- xi. Jarak di antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau Ilustrasi ialah satu langkau.
- xii. Jarak antara noktah (.) dengan huruf pertama ayat berikutnya (dalam perenggan yang sama) ialah sekurang-kurangnya satu (1) huruf.
- xiii. Jarak selepas koma (,) ialah sekurang-kurangnya satu (1) huruf.

2.8 Cetakan Dokumen

Latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis hendaklah ditaip menggunakan komputer dan dicetak menggunakan mesin cetak laser atau mesin cetak yang mempunyai kualiti cetakan yang setaraf.

2.9 Bilangan Maksimum Muka Surat

Had bilangan muka surat dan jumlah patah perkataan latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis adalah seperti berikut:

- i. Sarjana Muda: Tidak melebihi 20,000 patah perkataan.
- ii. Sarjana (Mod Penyelidikan): min : 50 000 – 60 000 patah perkataan
- iii. Sarjana (Mod Campuran): min : 50 000 – 60 000 patah perkataan
- iv. Doktor Falsafah: min : 80 000 – 100 000 patah perkataan

Had maksimum ini termasuk jadual, rajah dan lain-lain ilustrasi tetapi tidak termasuk lampiran. Setiap latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis yang melebihi had bilangan muka surat perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Dekan Institut Pengajian Siswazah atau Dekan Fakulti (untuk Latihan Ilmiah Sarjana Muda) dengan membuat permohonan melalui penyelia masing-masing.

2.10 Format Penjilidan Latihan Ilmiah / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis

2.10.1 Penjilidan draf akhir untuk pemeriksaan

- a. Jenis kulit: Kertas Lembut (*softcover*)
- b. Warna kulit: Merah

2.10.2 Penjilidan Tesis serahan akhir

- a. Jenis kulit: Kertas Keras (*hardcover*)
- b. Warna kulit:

- Doktor Falsafah – Maroon
 - Sarjana – Coklat gelap
 - Sarjana Muda – Biru gelap
- c. Jenis tulisan: Tulisan emas dengan font Arial bersaiz 18 huruf besar
- d. Tulang Tepi: Tulisan emas dengan font Arial bersaiz 16 huruf besar dengan mengikut urutan dibawah: (rujuk Lampiran K)
- i. Nama calon
 - ii. Singkatan program
 - iii. Tahun lulus
 - iv. KUIM

Nota: Penjilidan tesis akhir hanya boleh dilakukan selepas mendapat pengesahan daripada Institut Pengajian Siswazah, KUIM.

BAB 3

FORMAT RUJUKAN DALAM TEKS

3.1 Pengenalan

Semua maklumat dan idea yang diambil dari sesuatu sumber hendaklah dinyatakan dan didokumenkan dalam teks. Ia adalah penting untuk membuat rujukan sumber-sumber asal sepanjang menulis latihan ilmiah/ laporan penyelidikan/ disertasi/ tesis. Terdapat dua sistem rujukan dalam teks iaitu sistem pengarang-tarikh dan sistem dokumentari-nota. Apabila sistem tertentu digunakan, peraturan sistem harus dipatuhi secara konsisten sepanjang penulisan latihan ilmiah / disertasi / tesis. KUIM menggunakan sistem pengarang-tarikh sebagai gaya penulisan untuk latihan ilmiah / laporan penyelidikan / disertasi / tesis.

3.2 Sistem Pengarang-Tarikh

- i. Sistem ini menyediakan maklumat ringkas tentang pengarang, tahun penerbitan dan halaman muka surat dalam kurungan bulat. Maklumat lanjut mengenai sumber asal terkandung di dalam rujukan.
- ii. Format yang paling asas dalam penggunaan sistem pengarang-tarikh hendaklah memasukkan nama pengarang dan tarikh penerbitan bahan. Contohnya:

Brown (1998) menyatakan bahawa...

Penggunaan kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) di dalam kelas (Mohd. Azman, 1990)...

...suatu program yang terancang untuk mengajak manusia ke arah kebaikan (Adam Abd Allah al-Aluri, 1979)...

- iii. Apabila bahan dipetik secara verbatim, nombor muka surat tersebut harus disertakan. Muka surat tersebut hendaklah ditulis selepas tarikh dan titik dua bertindih. Sebagai contoh :

Aminuddin (2013:120) menyatakan bahawa “Mycobacterium tuberculosis adalah penyebab utama kepada penyakit batuk kering”

Andaian mengatakan bahawa “.... Perubahan tatabahasa tidak berlaku dalam teks sastera sewenang-wenangnya” (Johns, 2002: 23) dan “harus tidak diambil ringan” (Kazmi, 2003: 10)

Jika petikan itu melebihi dua ayat, hendaklah diasingkan dari teks penulisan dan menjadi perenggan khas. Perenggan ini hendaklah dianjakkan ditengah-tengah baris teks penulisan. Menggunakan tulisan italic, 1 langkau (single spacing).

Contoh:

.....Boehm (1981) sendiri telah memberi pandangan beliau tentang COCOMO:

Today, a software cost estimation model is doing well if it can estimate software development costs within 20% of actual costs, 70% of the time, and on its own turf (that is within the class of projects to which it has been calibrated).....That is not as precise as we might like, but it is accurate enough to provide a good deal of help in software engineering economic analysis and decision making.

Perhatian: Dalam Rujukan di adalah:

Boehm, B. (1981). *Software Engineering Economics*. USA: Prentice Hall.

- iv. Penulis berbangsa Melayu (biasanya menggunakan nama diri)

Muhammad Aeman Farhan (2013) menyatakan...

Perhatian: Dalam senarai RUJUKAN adalah:

Muhammad Aeman Mohd Ghazali. (2013). *Anak bijak*. Melaka: Penerbit KUIM.

- v. Penulis berbangsa Cina (biasanya menggunakan nama keluarga)

Chua (2010) mengulas bahawa...

Perhatian: Dalam senarai RUJUKAN adalah:

Chua Yan Piaw. (2010). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

- vi. Penulis berbangsa India (biasanya menggunakan nama diri)

Morgan (2013) mengemukakan...

Perhatian: Dalam senarai RUJUKAN adalah:

Morgan Sundram (2013). *Kemahiran Membaca*. Selangor: PTS Publications.

3.2.1 Pengarang Tunggal

- i. Nama pengarang dan tarikh penerbitan hendaklah ditulis di tempat yang sesuai di dalam teks. Jika nama penulis adalah sebahagian dari ayat tersebut, perlu dinyatakan tarikh penerbitan di dalam kurungan selepas nama.

Brown (1988) membuktikan bahawa...

...seperti yang ditulis di dalam kajian Wan Rafie (1990)

- ii. Jika nama pengarang bukan sebahagian dari ayat tersebut, nama dan tahun penerbitan haruslah ditulis di dalam kurungan bulat, pada akhir ayat sebelum tempoh tersebut.

... Untuk pengajaran dan pembelajaran matematik (Shahab, 1984)

- iii. Di dalam kes di mana kedua-dua nama pengarang dan tahun penerbitan adalah sebahagian daripada ayat tersebut, tiada kurungan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, rujukan perlu disertakan dalam bibliografi.

Pada tahun 2010, Ahmad Shahab menjalankan penyelidikan ke atas ...

- iv. Tahun penerbitan tidak perlu diulangi dalam rujukan yang berikutnya di dalam satu perenggan.

Kajian Shahab (1984) tidak menyokong pandangan ini. Shahab menyatakan bahawa ...

3.2.2 Pengarang Bersama

- i. Jika sesuatu sumber mempunyai dua orang pengarang, nama kedua-dua pengarang mestilah dinyatakan apabila rujukan terhadap kerja mereka dimasukkan di dalam teks.

Rollen dan Osmond (2010) telah memberikan penjelasan terperinci tentang teori osmosis di dalam penerbitan mereka yang bertajuk ...

- ii. Di dalam kes di mana sumber rujukan dikarang oleh lebih dua orang pengarang, senaraikan semua nama pengarang pada kali pertama rujukan berlaku. Dalam petikan berikutnya, hanya perlu memasukkan nama pengarang pertama diikuti dengan et al., dan tahun.

Petikan teks pertama:

Wudak, Howard, Rosenthal, Gertman dan Lock (2007) mendapati

Petikan berikutnya:

Wudak et al., (2007) dalam kajian mereka ...

- iii. Walau bagaimanapun, jika karya tersebut dipetik lagi di dalam perenggan yang sama, tahun tidak perlu dinyatakan lagi.

3.2.3 Institusi / Organisasi / Jawatankuasa Sebagai Pengarang

Nama-nama organisasi yang bertindak sebagai pengarang (contohnya: syarikat, persatuan, agensi-agensi kerajaan) biasanya dinyatakan setiap kali mereka muncul dalam petikan teks. Nama-nama organisasi terkemuka mesti dinyatakan dalam petikan pertama dan boleh diringkaskan untuk petikan-petikan berikutnya.

Petikan teks pertama:

... (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1991)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1991) menggariskan...

Petikan teks berikutnya:

... (JAKIM, 1991)

JAKIM (1991) menggariskan...

3.2.4 Rujukan Tanpa Pengarang

- i. Sesuatu rujukan tanpa nama pengarang yang tidak dinyatakan nama penulisnya, ia boleh dipetik sebagai sumber dalam latihan ilmiah / disertasi / tesis dengan merujuk kepada tajuk dan hendaklah disenaraikan dalam bibliografi.

Contoh:

Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), ...

... (DBP, 2005).

Institut Kemajuan Islam Malaysia (2002), ...

..... (JAKIM, 2002).

3.2.5 Pengarang Sama Nama

- i. Jika dua penulis dengan nama yang sama dipetik, maka hendaklah ditambah dengan singkatan atau nama-nama lain untuk mengelakkan kekeliruan. Contohnya:

Khalid Mohamad (1990) and Khalid Yusuf (1990)... R.D. Luce (1959) dan P.A. Luce (1986) mendapati... ...adalah dibenarkan (Luce, R.D., 1989; Luce, P.A.1986)

3.2.6 Multi-rujukan

- i. Jika terdapat dua atau lebih sumber dirujuk pada masa yang sama, nama-nama tersebut hendaklah disenaraikan di dalam kurungan dan dijarakkan di antara nama dengan titik dua bertindih. Contoh seperti berikut:

...(Ahmad, 1989; Fadzelah, 1990; Shahab, 1997).

...(Holmes, 2001; Jackson, 2003; Disney, 2004).

- ii. Namun dalam situasi penulis dengan lebih dari satu penerbitan, maka tahun-tahun perlu ditulis dan diselang dengan koma. Contohnya seperti berikut:

...(Zakri et al., 1991, 1992). Zakri et al., (1991, 1992)...

...(Lee, 2001, 2002). Lee (2001, 2002)...

- iii. Jika dua karya pengarang diterbitkan pada tahun yang sama, maka hendaklah menggunakan lower case a dan b pada tahun. Contohnya:

... (Kennedy, 2003a, 2003b).

Kennedy (2003a, 2003b) ...

3.2.7 Rujukan Kepada al-Quran dan al-Hadith

- i. Dalam merujuk, rujukan yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith, beberapa kaedah perlu digunakan. Untuk memetik bahagian tertentu di dalam al-Quran sebagai rujukan, hendaklah menulis sumber iaitu al-Quran diikuti dengan nama Surah dan nombor ayat yang dipetik. Walau bagaimanapun, sumber itu perlu diabaikan sekiranya telah disebut oleh penulis di dalam penulisannya. Contohnya seperti berikut:

Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba (al-Baqarah (2): 275)

Al-Quran (al-Baqarah: 275) menyatakan bahawa riba itu adalah haram.

- ii. Dalam memetik atau menulis hadith buat kali pertama, hendaklah menyediakan maklumat penuh berkenaan sumber tersebut.
- iii. Setelah itu untuk memetik hadith dengan merujuk kepada nama pengumpul atau perawi, hendaklah dinyatakan mengikut nama yang biasa dikenali kepada pengumpul tersebut sebagai pengumpul hadith contohnya: Muslim untuk Muslim ibn al-Hajaj dan al-Bukhari untuk Muhammad ibn Ismail. Seterusnya diikuti dengan tajuk dan diikuti dengan edisi yang digunakan.

Contoh:

(Muslim, *Sahih Muslim*, ed.2, 1988)

(al-Bukhari, *al-Jami al-sahih*, ed.3, 1967) (al-Nawawi, *Riyad al-salihin*, ed.2, 1988:124) (al-Bukhari, *al-Jami al-sahih*, vol. 4, ed.3, 1967: 34)

- iv. Kaedah ini hanya terpakai kepada pelbagai kompilasi sebagai rujukan dengan meletakkan nombor hadith yang diriwayatkan.

(Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, vol. 1, part 2, ed.2, 1987: 33)

- v. Kaedah ini hanya terpakai kepada kompilasi yang diterbitkan lebih dari satu jilid tetapi setiap satu jilid telah dibahagikan kepada bab tertentu. Setiap bab mempunyai nombor hadith yang telah mengikut urutan.

- vi. Sekiranya penulis menggunakan rujukan yang sama untuk hadith sebagai rujukan yang berikutnya, maka hanya nama pengumpul atau perawi perlu dipetik. Walau bagaimanapun, apabila hadith berbeza yang dipetik dari pengumpul atau perawi yang sama, maka nama pengumpul atau perawi harus diikuti dengan muka surat; atau jilid dan muka surat atau jilid, bab dan muka surat (tuliskan yang mana berkenaan).
- vii. Kaedah memetik hadith buat kali pertama di dalam teks.

(Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, vol. 1, part 2, ed.2, 1987: 33)

Hadith berikutnya adalah dari pengumpul atau perawi yang sama dan hadith yang sama.

(Ibn Majah)

Hadith berikutnya adalah dari pengumpul atau perawi yang sama dan hadith yang berlainan.

(Ibn Majah, vol. 2, part 2: 35)

BAB 4

SENARAI RUJUKAN

4.1 Pengenalan

Sesuatu penulisan ilmiah yang berkualiti dan berautoriti perlu disandarkan kepada rujukan yang bernilai dan autentik sifatnya. Sehubungan dengan itu, rujukan dilihat sangat penting dalam menjamin kesahan dan keaslian kajian tersebut. Oleh yang demikian, kaedah sistem pengarang-tarikh yang digunakan dalam teks, hendaklah diberikan sumber rujukan yang lengkap. Senarai ini diberi nama rujukan dan ditaip dalam bahagian akhir tesis, sebelum bahagian lampiran.

Penulisan Tesis Gaya KUIM hanya menggunakan senarai rujukan dan bukan senarai bibliografi.

4.1.1 Bahasa Bahan Rujukan

Bahasa bahan rujukan (kecuali Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.

4.1.2 Transliterasi

Judul karya dalam Bahasa Arab hendaklah ditransliterasikan. Terdapat dua kaedah transliterasi huruf Arab-Rumi, iaitu kaedah sebutan dan kaedah aksara. Calon hendaklah menggunakan sistem transliterasi menurut kaedah aksara (rujuk lampiran K).

Kaedah sebutan seperti

Ihyā` Ulūmuddīn

Shahsiyatul Qadī fī Nizāmul Islāmī

Manakala kaedah aksara seperti

Ihyā` Ulūm al-Dīn

Shahsiyat al-Qadī fī Nizām al-Islāmī

4.1.3 Penulisan Nama Pengarang

Nama pengarang hendaklah ditaip dengan sempurna seperti yang tertera pada muka surat sesebuah karya ilmiah atau pada muka surat maklumat hak cipta yang mengandungi Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan / Cataloguing-in-Publication-Data, tanpa pangkat atau gelaran.

- i. Nama pengarang dari Barat atau pengarang yang menggunakan nama keluarga, hendaklah diringkaskan dahulu kepada nama keluarga sahaja, nama selainnya hendaklah menggunakan parap (initials). Parap hendaklah ditaip selepas nama keluarga dan didahului dengan tanda koma.

Contoh:

Charles Richard Synder atau C.R. Synder hendaklah ditaip sebagai Synder, C.R.

Harvey Russell Bernard atau H.R. Bernard hendaklah ditaip sebagai Bernard, H.R.

- ii. Nama pengarang Arab hendaklah ditaip mengikut nama keluarga.
Contoh :

Mahy al-Dīn Abi Zakāria al-Nawāwī ditaip sebagai: Al-Nawāwī,
Mahy al-Dīn Abi Zakāria

dan disenaraikan di bawah abjad N.

Contoh nama yang dikenali:

Muhammad ibn Ismacīl al-Bukhārī ditaip sebagai: Al-Bukhārī,
Muhammad ibn Ismacīl

dan disenaraikan di bawah B.

- iii. Nama pengarang Melayu, yang ditaip dengan lengkap dan dikekalkan.
Contoh :

Muhammad Yusoff Hashim

Mahmood Zuhdi Abd Majid

- iv. Nama pengarang Cina, India dan Kristian, Indonesia dan Pribumi Sabah/Sarawak hendaklah ditaip sepertimana yang tertera di dalam bahan ilmiah yang dirujuk Contoh:

Teo Kok Seong

Siva Jayaratnam

Edward Lim Huck Tee

Rochmat Soemitro

James anak Bachat

4.1.4 Penulisan Judul Bahan Rujukan

- i. Judul bahan rujukan (buku, jurnal, prosiding dan laporan teknik) hendaklah ditaip condong menggunakan HURUF BESAR pada setiap

huruf pertama perkataan. Untuk makalah/artikel hanya huruf perkataan pertama sahaja menggunakan huruf besar. Perkataan lainnya hendaklah menggunakan huruf kecil, kecuali singkatan dan nama khas yang menggunakan huruf besar.

Contoh:

Judul buku

... (1985). *Wanita dan Masyarakat*. ...

... (1988). *Economic Concept of Ibn Taimiyah*. ...

Judul jurnal

... (2006). *IIUM Journal of Economics and Management*. 14(1), 111-120.

... (2013). *Journal of Personality*. 60 (2), 900-910.

... (2013). *Jurnal Ilmi*. 3 (5), 20-25.

Makalah / Artikel

... (2013). Building maintenance management preliminary finding of case study in
KUIM.

... (2006). How to start and run your own newspaper.

- ii. Susunan judul karya Inggeris tanpa pengarang dalam senarai rujukan yang judulnya diawali dengan perkataan "A, An, The" hendaklah dibuat mengikut susunan abjad perkataan yang menyusulinya.

Contoh:

... (1977). A pattern language: towns, buildings, construction.

... (2011). An introduction to sociology.

... (2010). The effect of competition in short product life-cycle markets: the case of motion picture.

4.2 Tertib Rujukan

- i. Senarai rujukan disusun mengikut abjad melainkan al-Quran. Contoh :

al-Quran. ...

Auni Abdullah. ...

al-Bakr, Muhammad cAbd a-Rahman....

JAKIM. ...

Pallant, J.

- ii. Rujukan **seorang pengarang** mendahului rujukan lebih daripada seorang. Contoh:

Paizah Ismail. (2008). ...

Paizah Ismail & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2012). ...

- iii. Rujukan **pengarang yang sama** mengikut tahun penerbitan. Contoh :

Ahmad Ibrahim. (1984). ...

Ahmad Ibrahim. (1996). ...

- iv. Rujukan yang **pengarangnya lebih daripada seorang** dan pengarang pertamanya sama, disusun mengikut abjad nama pengarang kedua dan seterusnya. Contoh :

Kamarul Jasni, Abd. Azim Awang, Mohd. Alias Ariffin & Daud Md. Ali. (2011)...

Kamarul Jasni, Mohd. Alias Ariffin & Muhammad Shuib Hassan. (2010). ...

Kamarul Jasni, Mohd. Alias Ariffin, Muhammad Shuib Hassan & Zainal Abidin Rosli. (2010). ...

- v. Rujukan **dua orang pengarang** yang mempunyai nama yang sama disusun mengikut abjad nama bapa atau parap pertamanya.

Contoh:

Ahmad Ibrahim. (1996) ...

Ahmad Izzudin. (2003) ...

Hansen, J. L. (1978). ...

Hansen, P. (1990). ...

4.3 Cara Menulis Rujukan Yang Lengkap Untuk Buku

Rujukan hendaklah mengandungi komponen-komponen seperti berikut:

Nama pengarang diikuti noktah

Semua nama pengarang hendaklah disenaraikan

(Tahun penerbitan) diikuti noktah

Tahun Hijrah hendaklah ditulis bersarna-sama tahun Masihi seperti 1435H/
2014

Judul buku (condong) diikuti noktah

Penyunting, penyusun, penterjemah (jika ada) diikuti noktah

Nama siri buku dan jilid atau bilangan dalam siri (jika ada) diikuti noktah

Edisi selain daripada edisi pertama ditaip sebagai Ed. ke-... dan diikuti noktah

Bilangan jilid diikuti noktah

Tempat terbit (bandar) diikuti titik bertindih

Jika terdapat lebih daripada satu tempat terbit gunakan tempat yang pertama.

Contoh :

New York, London, Paris hendaklah ditaip New York.

Penerbit diikuti noktah

Baris ke-2 bagi setiap rujukan dan seterusnya hendaklah ditulis satu langkau dengan ensotan 12.5 mm.

Contoh yang lengkap :

Al-Bayhaqī, Ahmad ibn Husain. (1999). *Sunan al-Kubrā*. Jil. 8. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

i. **Pengarang tunggal (termasuk nama samaran)**

Contoh:

Surtahman Kastin Hasan. (1993). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Mad Shah. (2003). *Pengenalan Psikologi Industri dan Organisasi*.
Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Al-Mawardī, Abu al-Hasan. (1978). *Al-Ahkam al-Sultanīyyah*. Mesir :
Maktabah al-Tawfiqīyyah.

ii. Pengarang bersama

Contoh:

Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussain & Che Hashim Hassan. (2003). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Boulle, L. & Teh, H.H. (2000). *Mediation: Principle, Process and Practice*. Singapura: Butterworths, Asia.

Kevin Keasey, Steve Thompson & Mike Wright. (1997). *Corporate Governance: Economic & Financial Issues*. London: Oxford University Press.

4.3.1 Edisi Baru dan Cetakan Ulangan (Ed. = Edisi)

Contoh:

Cross, R. (1991). *Precedent in English Law*. Edisi ke-4. London : Clarendon Press.

Zulkkiple Abd. Ghani. (2003). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

4.3.2 Karya yang Dikenali Menurut Judul

Contoh:

Al-Quran.

The Encyclopaedia of Islam. (1986). Edisi ke-2. Leiden: EJ. Brill.

Kamus Dewan. (2005). Edisi baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oxford Regional Economic Atlas: Western Europe. (1971). London: Oxford University Press.

4.3.3 Rujukan kepada al-Hadith Ditulis Menurut Pengumpul al-Hadith

Contoh:

al-Tirmidhī, Abu Isā Muhammad ibn Isā ibn Surah. (1999). *Sunan al-Tirmidhī*. Kaherah: Dār al-Hadīth.

4.3.4 Karya Susunan (pnys. = penyusun) atau Karya Suntingan (pnyt. = penyunting) atau Selenggaraan (pngr. = penyelenggara)

Contoh:

Abdul Monir Yaacob & Norhanizah Ismail. (pnys.). (2005). *Islam Hadhari: Himpunan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Jeffery E. Garten. (pnyt.). (2000). *World View: Global Strategies for The New Economy*. Boston: Harvard Business School Press.

Paizah Hj. Ismail & Ridzwan Ahmad.(pngr.). (2000). *Fiqh Malaysia: Ke arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

4.3.5 Berbilang Jilid (Jil. = Jilid yang dirujuk)

Contoh:

Al Zuhailī, Wahbah. (1986). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Jil. 1. Beirut : Dār al-Fikr al Mucasir.

Al Zuhailī, Wahbah. (1986). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Jil. 2 & 3. Beirut : Dār al-Fikr al Mucasir.

4.3.6 Terjemahan (Terj. = Terjemahan)

Contoh:

Zaidan, Abdul Karim. (1993). *Sistem Kehakiman Islam*. Mohd. Saleh Hj Ahmad. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

David G. Alciatore & Michael B. Hstand. (2009). *Pengenalan Kepada Mekatronik dan Sistem pengukuran*. Terj. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

4.3.7 Bab dalam Buku (Dlm. = Dalam)

Saadon Man. (2012). Menangani ikhtilaf di Malaysia menerusi penghayatan Fiqh al-Maqasid. Dlm. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz (pnyt.). *Al-Maqasid al-Syariah*. Hlm. 223-258. Batu Caves: Penerbit UIAM.

Sayed Abdul Razak Sayed Mahadi. (2009). Perubahan struktur umur penduduk: impak dan cabaran kepada pembangunan negara. Dlm. Mohd. Fauzi Yaacob (pnyt.). *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*. Hlm. 191- 208. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

4.3.8 Karya Tanpa Tarikh (t.th.) / Tanpa Tempat (t.tp.) / Tanpa Penerbit (t.pt.)

Contoh:

Ibn Taimīyyah, Taqy al-Dīn Ahmad. t.th. al-Hisbah fī al-Islām. al-Matbawah al-Salafīyyah.

al-Syāfi'īy, Muhammad ibn Idris. t.th. al-Umm. Maktabah al-Kullīyyah al-Azhar.

4.4 Dokumen Awam / Pertubuhan Antarabangsa

Dokumen awam yang diterbitkan dan dokumen pertubuhan antarabangsa hendaklah mempunyai maklumat yang lengkap seperti berikut:

Negara (atau negeri) / institusi terlibat diikuti noktah

(Tahun penerbitan) diikuti noktah

Bahan yang dirujuk (masukkan butiran lanjut) diikuti noktah

Contoh:

Malaysia. (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010.

JAKIM. (2003). Laporan Tahunan JAKIM 2003: 23-24.

Dewan Rakyat Malaysia. (1988). Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara. Kertas Perintah 14, tahun 1988.

WHO. (2000). Guidelines for the Assessment of Herbal Medicines. Geneva: World Health Organization.

4.5 Makalah Dalam Jurnal dan Prosiding

Makalah dalam jurnal atau prosiding hendaklah mempunyai maklumat yang lengkap seperti berikut:

Nama pengarang diikuti noktah

(Tahun) diikuti noktah

Tajuk makalah diikuti noktah

Judul Jurnal / Prosiding hendaklah ditaip condong. (huruf pertama bagi setiap perkataan dalam judul, kecuali kata sendi, hendaklah menggunakan huruf besar)

Maklumat keluaran (sama ada jilid, nombor keluaran, bulan atau musim) diikuti titik bertindih

Halaman seluruh makalah diikuti noktah

Contoh :

Becker, T. (2000). Consumer perception of fresh meat quality: a framework for analysis. *British Food Journal*. Vol. 28. hlm. 158-76.

Mohamad Noor Habibi Long. (2003). Ekstremisme: satu perspektif. *Jurnal Yadim* 5. hlm.114-119.

Mohamad Nazli Omar. (2013). Pengintegrasian antara dakwah Islamiah dan Siyasah Syariah: satu sorotan. *Prosiding Siyasah Islamiyyah*. hlm. 105-126.

Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2007). Penyertaan warga tua Rumah Seri Kenangan Cheras dalam aktiviti agama. *Prosiding Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. hlm. 373-388.

4.6 Artikel Dalam Majalah / Berita Dalam Akhbar / Surat Kepada Pengarang

4.6.1 Artikel dengan Nama Pengarang / Penulis

Contoh:

Abraham, J. (Mac 2011). Empowering women in aftermath of conflict. *Female*. hlm. 28-31.

Siti Ainiza Kamsari. (16 Jun 2006). Halagel pelopor gelatin halal Malaysia. *Utusan Malaysia*.

Mustaqim Abd. Rahman. (6 Mac 2013). Kerajaan lebih tahu apa yang rakyat perlukan. *Utusan Malaysia*.

4.6.2 Artikel tanpa Pengarang/ Penulis

Contoh:

Pesawat 777-200 paling selamat di dunia. (8 Mac 2014). *Utusan Malaysia*.

ISA dipinda Oktober ini. (20 Ogos 2009). *Berita Harian*.

4.7 Filem, Video Dan Slaid

Filem, video dan slaid hendaklah mempunyai maklumat yang lengkap seperti berikut:

Nama pengarah filem / video / slaid (sekiranya ada) diikuti noktah **Tahun penerbitan** diikuti noktah

Nama Filem / Video / Slaid diikuti noktah

Penerbit diikuti noktah

4.7.1 Filem

Contoh:

Shamsul Yusof. (2013). *KL Gangster*. Filem. Kuala Lumpur: Skop Production.

Weir. (1992). *Levels of Consciousness*. Filem. Boston, MA : Filmways.

4.7.2 Video

Contoh:

Al-Ahkām al-Sultanīyyah wa Siyāsah Syarcīyah. t.th. Video. Islamic Awekening.

Kemampuan profesional guru. (2009). Video. Gramedia Online.

4.7.3 Slaid

Contoh:

Deacon, J.E. (1975). *The Galapagos Island: Birds*. Slaid. New York: Harper & Row.

Energy generation and storage. t.th. Slaid. Singapore: Toppan Company.

4.8 Bahan Tidak Terbit

Bahan yang tidak diterbitkan hendaklah mempunyai maklumat yang lengkap seperti berikut:

Nama pengarang diikuti noktah

Tahun diikuti noktah

Judul diikuti noktah

Nombor folio, nombor kotak tempat bahan disimpan atau mana-mana tanda pengenalan yang lain diikuti koma

Nama koleksi diikuti noktah

Nama tempat (institusi, bandar, negeri) bahan tersebut dihasilkan/disimpan diikuti koma

Tarikh diikuti noktah

4.8.1 Tesis atau Latihan Ilmiah

Contoh:

Suhailah Abd Muin. (2013). *Tahap Kepatuhan Peniaga Islam Terhadap Amalan Perniagaan Mengikut Hukum Syarak: Kajian Kawasan Lembah Klang*. (Tesis Ph.D). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Nazli Omar. (2013). *Pengurusan Dakwah di Negeri Maju: Kajian tentang Cabaran dan Masalahnya di Melaka*. (Tesis Ph.D). Universiti Malaya.

4.8.2 Kertas Kerja, Abstrak Persidangan dan Sebagainya

Contoh:

Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. (2002). *Makanan Ubahsuaian Genetik: Perspektif Kesihatan & Keselamatan Makanan*. Kertas Kerja Muzakarah Pakar "GM Food-Satu Perspektif Islam". Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 29-30 Mei.

4.8.3 Temu Bual

Individu yang ditemu bual hendaklah tokoh yang berwibawa dalam bidang berkenaan.

Contoh:

Abdul Halim Tawil. (2012). *Cabaran dan Masalah Pengurusan Dakwah di Melaka*. Bandar Melaka. Temu bual, 4 Mac.

4.8.4 Manual Perisian

Contoh:

Amtis Solution. (2012). *Sistem Akademik Sepadu*. Melaka.

Ludwig, T. (2002). *PsychInquiry*. (Computer Software). New York. Worth.

4.9 Bahan Rujukan Elektronik

Bahan rujukan elektronik seperti CD-ROM, laman sesawang, pangkalan data sesawang, jurnal-elektronik dan mel-elektronik hendaklah mempunyai maklumat berikut:

Nama pengarang diikuti noktah

(Tahun) diikuti noktah

Tajuk makalah diikuti noktah

Nama jurnal/buku (condong)

Nombor jilid

Nombor keluaran (dalam tanda kurung)

Halaman seluruh makalah diikuti noktah

Tapak /jejak /fail alamat sesawang (tanpa garis bawah)

Tarikh capaian [dalam tanda kurung] diikuti noktah

Pengubahsuaian boleh dilakukan mengikut keperluan tanpa menjejaskan kesahihan sumber bahan yang dirujuk.

Contoh:

Raja Yusuf Ariffin. (2006). Produk Halal: Cabaran Usahawan Muslim. (Harian Metro, 28 Januari). <http://www.muslimconsumer.org.my/ppim/news.php?extend.132>. [20 Februari 2007].

Clark, J.K. (1999). Humidity sensor. *Journal of Physics* 2(2): 9-13 <http://www.cit.edu/phys/sensor.html> [20 Julai 1999].

4.10 Rujukan Undang-Undang

1. Akta Parlimen

Contoh:

Malaysia. (1950). Contract Act 1950 (Revised 1974). (Act 136).

Malaysia. (1976). Law Reform (Marriage and Divorce) 1976. (Act 164).

2. Enakmen Dewan Undangan Negeri

Contoh:

Dewan Undangan Negeri Melaka. (2002). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. No. 7/02.

Dewan Undangan Negeri Melaka. (1992). Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) (Negeri Melaka) 1994. (En. 11/94).

3. Perbahasan di Parlimen (Penyata atau Hansard)

Contoh:

Dewan Rakyat Malaysia. (2007). Perbahasan Rang Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2007. Penyata Rasmi Dewan Rakyat. D.R. 50/2007: Parlimen Kesebelas Penggal Keempat. Mesyuarat Ketiga.

4. Laporan dan Dokumen (Kertas Perintah)

Contoh:

Dewan Rakyat Malaysia. (1986). Peristiwa Memali. Kertas Perintah 21, tahun 1986. Dewan Rakyat Malaysia. 1988. Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara. Kertas Perintah 14, tahun 1988.

5. Penerbitan kerajaan (Persekutuan, Negeri)

Warta Kerajaan Persekutuan Contoh:

Federated Malay States. (1926). Government Gazette 18(12): Notification No.3178.

Malaysia. (1990). Akta Kehakiman 1964 (Akta 91). Warta Kerajaan 34(26): Nombor Makluman 10926.

Warta Kerajaan Negeri

Contoh:

Melaka. (2010). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002: Kaedah Pengurusan Lebihan Agihan Zakat Negeri Melaka. Warta Kerajaan Negeri Melaka. 02/06.

6. Rujukan Kes

a. Cara penulisan kes

Nama-nama kes yang disebut di dalam teks hendaklah dicondongkan, termasuklah huruf 'v' yang tidak diikuti dengan tanda titik. Perkataan 'dan' digantikan dengan 'ampersand' (&).

Contoh:

Ketua Polis Negara & Anor v Gan Bee Huat & Other Appeals

Manakala di dalam catatan bawah pembuatannya hendaklah ditaip tahun kes tersebut dilaporkan, jilid laporan dan halaman surat atau nombor perenggan.

Contoh:

[1998] 3 MLJ 86

b. Ex parte

'Ex parte' hendaklah diringkaskan kepada 'Ex p'. Contoh:

R V Mental Health Act Commission; Ex p X (1988) 9 BLMR 77

c. Meringkaskan nama-nama kes

Sekiranya kes tersebut mempunyai nama yang panjang dan kes itu kerap kali dirujuk di dalam teks, maka hendaklah ringkaskan nama didalam teks dan juga catatan bawah.

Contoh:

Rujukan pertama:

Donoghue v Stevenson [1932] AC 532

Rujukan selanjutnya di dalam teks:

'.... sebagaimana yang dinyatakan oleh Lord Goff di dalam Donoghue ... ' atau

boleh juga ditulis sebagai 'di dalam kes Donoghue'

1. Nama popular kes

Nama popular bagi kes yang dirujuk bolehlah digunakan dan hendaklah ditaip di dalam tanda kurung selepas rujukan penuh awal.

Contoh:

Choo Ang Chee v Neo Chan Neo (1908) 12 SSLR 120 (Six Widows' case)

2. Penyebutan kes di dalam catatan bawah

Sekiranya lebih daripada satu kes dirujuk, kes-kes tersebut hendaklah ditaip mengikut susunan kronologi di mana kes yang terbaharu ditaip kemudian sekali kecuali terdapat sebab-sebab tertentu yang perlu, susunan kronologi bolehlah diabaikan. Kes-kes berkenaan hendaklah dipisahkan dengan penggunaan semi colon (;)

Contoh:

Lee Gee Lam v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1993] 3 MLJ 265; Saul Hamid bin Pakir Mohamad v Inspector Abdul Fatah bin Abdul Rahman & Anor [1999] 6 MLJ 800; Abdul Ghani Haroon v Ketua Polis Negara and Another Application [2001] 2 MLJ 689.

3. Kes yang tidak dilaporkan

Rujukan kepada kes yang tidak dilaporkan hendaklah menggunakan 'rujukan neutral' (jika ada). Sekiranya tidak terdapat 'rujukan neutral' tersebut, format yang perlu digunakan ialah:

1. Nama kes
2. Mahkamah yang mendengar kes tersebut
3. Tarikh keputusan dibuat
4. Halaman atau perenggan kes berkenaan boleh didapati

Contoh:

Thannhauser v Westpac Banking Corporation (Federal Court Australia, 9 December 1991) [90]*

*kandungan berbentuk sedemikian hendaklah digunakan bagi menyatakan nombor perenggan di mana kes tersebut boleh diperolehi.

4. Keputusan yang disiarkan secara elektronik

Rujukan kes yang diperolehi daripada sumber elektronik hanyalah boleh digunakan sekiranya keputusan kes tersebut belum dilaporkan di dalam bentuk bercetak dan tidak mempunyai 'rujukan neutral'

Contoh:

Cox v Robinson [2000] QCA 454 (Supreme Court of Queensland Court of Appeal, 7 November 2000).
<http://austlii.edu.au/au/au/cases/qld/QCAI2000/454.html> [7 Januari 2000].

5. Perbahasan Parlimen


Contoh:

Malaysia, Perbahasan Dewan Rakyat, D.R. 42/2011, Bacaan Kedua, 24 November 2011, (Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak).


RUJUKAN

- Centre for Postgraduate Studies (2009). *The IIUM Thesis / Dissertation Manual*, Gombak, IIUM.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill
- Mohd Ghani Awang. (2008). *An Introduction To Research Methodology for Social Science*. Pahang: Anugerah Ilham Management.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Publication Manual of the American Psychological Association. (2010). (6th ed.) Washington, DC: American Psychological Association.
- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Merican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Rekabentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor (2013). Edisi Keempat. Panduan Penulisan Tesis.
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (2010). Edisi Semak Kedua. Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM.

CONTOH KETERANGAN PADA KULIT HADAPAN




CONTOH KETERANGAN PADA KULIT HADAPAN



CONTOH KETERANGAN PADA KULIT HADAPAN



CONTOH KETERANGAN PADA KULIT HADAPAN



CONTOH LAMPIRAN JUDUL

↓
60mm
↑

TAHAP KEPUASAN KERJA DI KALANGAN PENSYARAH: SATU KAJIAN
DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA


MUHAMMAD AQEEL FIRDAUS BIN MOHD GHAZALI

Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan kepada Fakulti Sains Sosial,
Kolej Universiti Islam Melaka bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Psikologi (Kepujian)


FAKULTI SAINS SOSIAL
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

2016
↓
60mm
↑


CONTOH LAMPIRAN JUDUL



CONTOH LAMPIRAN JUDUL



CONTOH LAMPIRAN JUDUL



LAMPIRAN C

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama:

No. Pendaftaran / Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan Disertasi / Tesis (Hasil Kerja ini):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulisan hasil kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah hasil kerja asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisan yang telah dilakukan di dalam hasil kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan hasil kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja ini kepada Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekali pun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari KUIM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja saya ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya telah dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh KUIM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi,

Tarikh

Nama:

Jawatan:

LAMPIRAN D1

CONTOH ABSTRAK

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenaplasti tahap pelaksanaan *Total Productive Maintenance* di bengkel Tentera Darat Malaysia. Selain itu ia bertujuan bagi melihat hubungan antara kesedaran sendiri, gaya kepimpinan, pembelajaran sendiri dan motivasi dengan *Total Productive Maintenance*, untuk mengenaplasti faktor yang lebih mempengaruhi pelaksanaan *Total Productive Maintenance* di bengkel Tentera Darat Malaysia dan juga untuk melihat perbezaan yang signifikan antara demografi terhadap *Total Productive Maintenance*. Kajian ini dilakukan ke atas 214 orang Tentera Darat Malaysia di 73 Woksyop Kem Terendak, Melaka. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan mengedarkan set soal selidik yang terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden, bahagian B soal selidik kesedaran sendiri iaitu *Self Awareness Questionnaire*. Bahagian C untuk mengukur gaya kepimpinan iaitu soal selidik *Leadership Style Survey*. Bahagian D mengukur pembelajaran sendiri iaitu soal selidik *Self-Directed Learning Readiness Scale*. Bahagian E pula soal selidik *Work Motivatuion Survey* untuk mengukur motivasi kerja dan bahagian F untuk mengukur *Total Productive Maintenance* dengan menggunakan soal selidik *Total Productive Maintenance Survey*. Analisis data adalah ujian t dan ANOVA Sehalu bagi mengenaplasti perbezaan. Korelasi Pearson bagi melihat hubungan dan regresi berganda untuk melihat peramal dengan menggunakan program *Statistical Package For Social Science*. Dapatan kajian mendapati tahap pelaksanaan *Total productive Maintenance* di bengkel 73 woksyop adalah sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan antara *Total Productive Maintenance* dengan kesemua pembolehubah bebas kecuali kesedaran sendiri, motivasi, gaya kepimpinan autokratik dan pembelajaran arah sendiri muncul sebagai peramal kepada pelaksanaan *Total Productive Maintenance*. Perbezaan pelaksanaan *Total Productive Maintenance* didapati tidak terdapat perbezaan berdasarkan status perkahwinan, kelayakan akademik dan pangkat

ABSTRACT

This study aims to identify the implementation of Total Productive Maintenance workshop Malaysian Army. In addition, it aims to find the relationship between self-awareness, leadership style, self-motivation of Total Productive Maintenance, to identify the factors most influential in the implementation of Total Productive Maintenance workshop Malaysia Army and also to compare on demographic factors of to the Total Productive Maintenance. The study was conducted on 214 people in 73 Malaysia Army worksyop, Malacca. This study is survey design by distributing questionnaires consisted of five parts, part A of the demographics of the respondents, section B of the questionnaire self-consciousness using Leadership Style Questionnaire. Parts D measure self-study questionnaire using Self-Directed Learning Readiness Scale. Part E is Work Motivation Survey Questionnaire to measure work motivation and part F to measure the Total Productive Maintenance suing Total Productive Maintenance Survey. Data analyses are the t test and one away ANOVA to identify differences, Pearson correlation for the relationship and multiple regressions to see predictors using the program Statistical Package for Social Sciences. The result showed that the level of implementation of Total Productive Maintenance in the workshop of 73 worksyop is intermediate level. The study also shows that there is a relationship between Total productive Maintenance with all the independent variable except self-consciousness. Motivation, autocratic leadership style and self-directed learning emerged as predictors for the implementation of Total Productive Maintenance based on marital status, academic eligibility and also rank

LAMPIRAN E

CONTOH TRANSLITERASI

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	رمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	C	عبد	^c abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	Qadi
ك	k	كأس	Ka`s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نور	Nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	Wasala
ي	y	يسار	Yasar

VOKAL

VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فَعَلَ	fa ^o ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
و	u	كُتِبَ	kutiba

VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ، اِ، اِوْ	a	بِ تَاكْ، قَاضِي	katib, qada
يِ	i	كَرِيْم	karim
وْ	u	حُرُوفْ	huruf

DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْلْ	Qawl
يِ	ay	سَيْفْ	Sayf
يِ	lyy/i	رَجْعِي	raj ^o iyy, raj ^o i
وْ	uww	عَدُوْ	^o aduww, ^o adu

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada (a) bukan kepada ('). Contoh: أكر بر , transliterasi: akbar bukan 'akbar.
2. Huruf Arab ة (ta' marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'. Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: *wizarat al-ta^clim*, bukannya *wizarah al-ta^clim*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta' marbutah ditransliterasikan kepada h.

Contoh

1. الممكة تبهلهة الة
2. قلعة
3. داوهة

Transliterasi

- al-Maktabah al-Ahliyyah
Qal^cah
Dar Wahbah

CONTOH KANDUNGAN

KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN
PENGHARGAAN
ABSTRAK
ABSTRACT

TRANSLITERASI

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

BAB 1 PENGENALAN

- 1.1 Pendahuluan
- 1.2 Latarbelakang Kajian
- 1.3
- 1.4

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

RUJUKAN

LAMPIRAN

LAMPIRAN G

CONTOH SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Senarai Item Positif dan Negatif TAJMA	20
2.2	Senarai Pemarkahan SDS	23
2.3	Bilangan responden Lelaki dan Perempuan	40

CONTOH SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH

No. Rajah

HALAMAN


1.6 Carta Pai Menunjukkan Bilangan Respondan Kajian

30

LAMPIRAN I

CONTOH SIMBOL DAN SINGKATAN

ATM	Angkatan Tentera Malaysia
GGK	Grup Gerak Khas
KJLJD	Kor Jurutera Letrik dan Jentera Diraja
SEM	Structural Equation Model
SPSS	Structural Equation Model
TD	Tentera Darat
WMS	Work Motivation Survey
β	Beta
α	Alpha



LAMPIRAN K

TULANG TEPI TESIS (PHD)

WAN NORHAYATI BINTI WAN OTHMAN

Ph D 2016

KUIM

MOHD AZAM BIN YAHYA

S.S.P. 2016

KUIM

TULANG BAGI LATIHAN ILMIAH

SITI NORAINI BNTI LATIF

Sm. Psi.

KUIM

2016

SENARAI SINGKATAN NAMA IJAZAH PADA TULANG TEPI

Ijazah Doktor Falsafah

PhD Ijazah Doktor Falsafah

Ijazah Sarjana

S.S.P. Ijazah Sarjana Sains Pengurusan
S.Sej. Ijazah Sarjana Sejarah
S.Pen. Ijazah Sarjana Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
S.P.I.D. Ijazah Sarjana Pengajian Islam Dakwah
S.Sy.. Ijazah Sarjana Syariah
S.Kom. Ijazah Sarjana Komunikasi
S.Psi. Ijazah Sarjana Psikologi

Ijazah Sarjana Muda

Sm.Psi. Ijazah Sarjana Muda Psikologi
Sm.P.I. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam
Sm.P.H. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti